

28/06/1999

Cuepacs dakwa ketua jabatan tidak perjelas isu

MELAKA, Ahad - Cuepacs mendakwa sikap sebilangan ketua jabatan mengabaikan tanggungjawab memberi penjelasan sebenar segala dasar yang ditetapkan menjadi punca segelintir anggota perkhidmatan awam tidak menyokong kerajaan.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata ini berpunca daripada maklumat palsu yang disampaikan oleh ketua jabatan terbabit seperti soal kebajikan pekerja.

Berikutan itu, katanya, kenyataan bahawa anggota perkhidmatan awam tidak menyokong kerajaan adalah palsu.

Katanya, Cuepacs sudah pun memaklumpkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita dapati majoriti anggota perkhidmatan awam masih positif terhadap kerajaan, cuma segelintir dalam kelompok tertentu kerana mendapat maklumat yang salah," katanya kepada pemberita selepas Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) cawangan Melaka di sini, hari ini.

Menurutnya, kelompok itu tidak diberikan maklumat yang terperinci oleh ketua jabatan masing-masing sehingga menimbulkan perdebatan sesama sendiri.

Oleh itu, katanya, Cuepacs dalam perjumpaan dengan kesatuan sekerja gabungan akan memberi taklimat mengenai sesuatu keputusan kerajaan, terutama membabitkan kebajikan pekerja.

"Jika ada anggota perkhidmatan awam tidak puas hati terhadap sesuatu perkara, Cuepacs akan mengkaji dan berusaha membetulkannya," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Siva, yang juga Setiausaha Agung KPPK, berkata ada ketua jabatan, termasuk guru besar, yang tidak mengedarkan pekeliling kerajaan.

Katanya, mereka itu hanya duduk dalam pejabat dan memberikan maklumat palsu mengenai arahan pekeliling yang dikeluarkan.

Sebagai contohnya, katanya, kerajaan menyediakan peruntukan RM150 juta bagi membolehkan guru bukan siswazah menikmati tangga gaji diploma tetapi ada guru besar atau pengetua yang mengugut tidak menyokong dan melarang mereka ke Jabatan Pendidikan.

(END)